

Polis Pulau Pinang gempur stor penyimpanan di Nibong Tebal, jumpa dadah 573 kg

# Rampas dadah bernilai RM25.87 juta

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** – Penahanan seorang lelaki yang juga dalang utama pengedaran dadah berjaya membongkar modus operandi satu sindiket sehingga membawa kepada rampasan terbesar di Pulau Pinang tahun ini bernilai kira-kira RM25.87 juta.

Kejayaan merampas 573 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis itu susulan serbuan polis di tiga kawasan berasingan di Nibong Tebal, Seberang Perai dekat sini.

Dalam serbuan yang bermula Isnin sehingga Rabu lalu itu, polis telah menahan dua suspek warga tempatan berusia 37 tahun dan 43 tahun.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Shabudin Abd Manan berkata, dalam serbuan pertama, pihak polis telah menahan dalang utama sindiket berusia 37 tahun.

Katanya, ketika ditahan suspek berada di dalam sebuah kereta jenis Peugeot yang berhenti di sebuah lorong di antara premis kedai di Taman Perindustrian Nibong Tebal.

“Dalam serbuan ini polis telah



**SHABUDIN (dua dari kiri) bersama pegawai kanannya menunjukkan pelbagai jenis dadah yang dirampas dalam tiga serbuan di Nibong Tebal pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang, George Town semalam.**

merampas 100 bungkusan dadah disyaki syabu yang bernilai RM4.68 juta.

“Hasil soal siasat yang di-

jalankan ke atas suspek pertama telah mendedahkan lokasi sebuah premis kedai iaitu stor penyimpanan bekalan pelbagai

jenis dadah di kawasan Taman Perindustrian Nibong Tebal,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pu-

lau Pinang di sini semalam.

Menurut Shabudin, di premis berkenaan pihak polis menjumpai dadah disyaki syabu, serbuk ekstasi, pil ekstasi, heroin base dan ketamin yang dianggarkan bernilai RM21.19 juta.

“Hasil siasatan lanjut, pihak polis kemudian menahan suspek kedua yang berusia 43 tahun, di pekan Nibong Tebal, disyaki anggota sindiket berkenaan.

“Dalang utama sindiket ini mempunyai tiga jenayah lampau berkaitan dadah serta ujian saringan air kencing mendapati suspek positif dadah, manakala suspek kedua tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

“Sindiket ini dipercayai bergiat aktif sejak pertengahan tahun ini dan memperoleh bekalan dadah dari negara jiran,” katanya.

Tambah beliau, Pulau Pinang dipercayai menjadi transit dadah berkenaan sebelum diedarkan ke kawasan Lembah Klang.

“Dadah yang dirampas ini boleh digunakan oleh lebih dua juta orang penagih dadah,” katanya yang memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.